



ANGGOTA APMM turun menggeledah bot dan kapal nelayan warga tempatan di sekitar perairan negara sepanjang Ramadan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Mungkin risau nasib keluarga **terancam!**

HM 03/04/24 m/s 6

Tekong kapal nelayan Vietnam ceroboh perairan enggan dedah siapa dalang di sebalik tindakan nekad curi hasil laut negara

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Pasir Puteh

Selain bot dilengkapi dengan peralatan canggih yang dapat mengesan lokasi ikan, tekong kapal nelayan Vietnam yang mencerooboh perairan negara juga tutup mulut dan enggan mendedahkan siapa dalang di sebalik tindakan nekad mereka mencuri hasil laut negara.

Timbalan Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM Kelantan, Komander Amiludin Yengghah berkata, mereka sanggup mencerooboh perairan negara sehingga ke Pahang.

Katanya, ada bot nelayan Vietnam sanggup mencerooboh ke perairan Pahang semata-mata untuk mencuri hasil laut negara.

"Itu menyebabkan mereka nekad mencerooboh sedangkan mereka tahu ia menjadi kesalahan. Pada masa sama, hasil ikan di perairan negara mereka sudah tiada

yang menyebabkan Malaysia menjadi sasaran," katanya ketika ditemui ketika operasi pemeriksaan bot nelayan di perairan negara, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau turut memaklumkan bekalan ikan di Malaysia yang banyak turut menjadi faktor ia menjadi tumpuan nelayan asing.

"Kita tidak mahu suatu hari nanti nasib Malaysia sama sebagaimana mereka iaitu hasil ikan yang ber-

kurangan dan disebabkan itu kawalan perairan negara sentiasa diperketatkan," katanya.

Pada masa sama, Amiludin berkata, nelayan asing yang ditahan juga enggan memberi kerjasama dengan mendedahkan siapa di belakang mereka sehingga mereka berani mencerooboh perairan negara.

"Mereka tidak mendedahkan walaupun ditangkap, mungkin mereka bimbang nasib keluarga di Vietnam yang terancam.

"Disebabkan itu, kita sukar menjejak dalang di sebalik penceroobohan nelayan asing," katanya.

“ Kita sukar menjejak dalang di sebalik penceroobohan Amiludin ”